

Telekom minat ambil alih TRI

BH 29 JAN 2002

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Abdul Halim Yusoff

TELEKOM Malaysia Bhd (Telekom Malaysia), syarikat telekomunikasi terbesar tempatan berminat mengambil alih Technology Resources Industries Bhd (TRI), kerana kerajaan mahu melihat pengukuhan dalam industri telekomunikasi tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Telekom Malaysia berminat mengambil alih TRI sejak beberapa lama tetapi berdepan masalah harga. "Jadi terpulang kepada mereka untuk berunding.

"Telekom Malaysia pada

asasnya masih entiti kerajaan jadi, bila ia berminat mengambil alih TRI, anda boleh katakan kerajaan berminat mengambil alih TRI. Tapi sebenarnya Telekom Malaysia yang berminat mengambil alih TRI.

"Kerajaan mahu melihat pengukuhan dalam industri telekomunikasi tempatan kerana ada terlalu banyak syarikat dan terlalu banyak lesen," katanya tetapi tidak memberikan butiran sama ada rundingan itu masih berjalan.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas

Telekom Malaysia sudah lama berminat tetapi berdepan dengan masalah harga

melancarkan Program Sehari Bersama Pelanggan anjuran Kementerian Kewangan, di Kuala Lumpur, semalam.

TRI adalah syarikat induk bagi Celcom (Malaysia) Sdn Bhd (Celcom), syarikat telekomunikasi kedua terbesar di Malaysia dan pengusaha utama bagi perkhidmatan mudah alih Celcom GSM yang mempunyai lebih dua juta pelanggan.

Kerajaan mahu mengu-

rangkan bilangan syarikat telekomunikasi daripada lima yang sedia ada bagi menyesuaikan dengan saiz pasaran kecil. Keadaan itu menyebabkan pengendali tidak dapat melabur meningkatkan mutu perkhidmatan.

Selain Telekom, syarikat telekomunikasi lain adalah TRI, Maxis Communications Bhd, Time dotCom Bhd, DiGi.Com Bhd. Jumaat lalu, Telekom menafikan laporan

akhbar bahawa ia membuat tawaran mengambil alih kepentingan ekuiti dalam TRI.

Sementara itu, TRI dalam kenyataannya semalam mengesahkan Telekom Malaysia membuat tawaran membeli saham TRI yang dimiliki Pengerusinya, Tan Sri Tajudin Ramli melalui Pengerusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta).

"Kami diberitahu oleh Tajudin bahawa beliau tidak ditawarkan secara langsung oleh Telekom Malaysia tetapi dalam mesyuaratnya dengan Danaharta 22 Januari lalu, beliau diberitahu Telekom Malaysia membuat

tawaran kepada agensi itu untuk membeli saham berkenaan," katanya.

Mengenai rundingan penggabungan Utama Banking Group Bhd (UBG) dan RHB Capital Bhd (RHB), Dr Mahathir berkata, UBG sudah menghidupkan semula rundingan untuk menggabungkan perniagaan perbankan mereka.

"UBG sudah kembali (ke meja rundingan) dan berharap untuk menyelesaikan urusan niaga mereka. Untuk itu, kami memberikan sedikit masa kepada mereka. Tempoh yang tepat saya tidak tahu. Tapi, saya tahu bukan enam bulan," katanya.